



## Mitos dan legenda sebagai produk pelancongan di Malaysia: Kajian kes Lembah Lenggong

Fatimah Hassan<sup>1</sup>, Hamid Mohd. Isa<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang, <sup>2</sup>Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia

Correspondence: Fatimah Hassan (email: hfatimah@usm.my)

### Abstrak

Setiap tempat mempunyai legenda dan mitos yang tersendiri. Ada yang menarik dan terus disebarluaskan, namun ada juga yang sudah dilupakan. Unsur mitos dan legenda yang menarik, jika dipakejkan berupaya menambah daya saing sesuatu destinasi pelancongan. Artikel ini membincangkan kesesuaian membangunkan unsur mitos dan kisah legenda setempat sebagai produk pelancongan budaya menggunakan Lembah Lenggong sebagai kes kajian. Lembah Lenggong yang telah diiktiraf sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO memiliki beberapa mitos dan legenda yang berupaya menjadi tarikan pelancong. Menggunakan data sekunder dan primer yang diperolehi melalui pemerhatian dan temu bual berstruktur, mitos dan legenda Lembah Lenggong telah dikenal pasti dan dianalisis. Antaranya termasuklah kisah Gua Puteri, Batu Puteri @ Batu Gajah dan asal usul nama Lenggong. Mitos dan legenda ini berserta empat mitos daripada komuniti Orang Asli suku Lanoh didapati berpotensi untuk dipakejkan menjadi produk pelancongan di Lembah Lenggong. Langkah membangunkan unsur mitos dan legenda tersebut melalui usaha pemeliharaan artifak, pendokumentasian dan menganimasikan wajar dilakukan segera agar ia dapat kekal menjadi tarikan pelancong di Lembah Lenggong pada masa hadapan.

**Kata kunci:** destinasi pelancongan, legenda, Lembah Lenggong, mitos, tarikan pelancongan, warisan tidak ketara

## Myths and legends as Malaysian tourism products: A case study of Lenggong Valley

### Abstract

Certain places have their own legends and myths. Some are exciting and continue to prevail while others are already forgotten. Those attractive elements of myths and legends, if properly packaged are capable of enhancing the competitiveness of a tourist destination. This article discusses the appropriateness of developing elements of local myths and legends as cultural tourism products using the Lenggong Valley, a UNESCO world heritage site as a case study. The valley has several myths and legends which are capable of becoming tourist attractions. Using secondary and primary data obtained through observation and a structured field interview, the myths and legends in Lenggong Valley were identified and analysed including the story of Princess Cave, Rock Princess @ Batu Gajah and the origin of the Lenggong name. These myths and legends together with the four myths of the aboriginal people of Lanoh may be packaged into tourism products in Lenggong Valley. Steps to develop the elements of myth and legend in the valley may include the preservation of artifacts, and the immediate documentation and animation of the myths and legends as tourist attractions.

**Keywords:** intangible heritage, legends, Lenggong Valley, myths, tourist destinations, tourist attractions

## Pengenalan

Sektor pelancongan di Malaysia semakin berkembang maju. Pelbagai konsep dan produk pelancongan telah diketengahkan bagi menarik masuk pelancong asing supaya dapat menyemarakkan pertumbuhan ekonomi negara, khususnya melalui pertukaran wang asing. Pada tahun 2013, sektor pelancongan telah berjaya menarik masuk 25.72 juta pelancong asing, meningkat daripada 25.03 juta pada 2012 dan 24.71 juta pada tahun 2011. Pada 2013, sektor pelancongan telah menyumbang sebanyak RM65.4 billion kepada pendapatan negara berbanding RM 60.6 billion pada 2012 dan RM 58.3 billion pada 2011 (Tourism Malaysia, 2014). Justeru itu, adalah relevan dan signifikan untuk menggiatkan perkembangan sektor pelancongan melalui usaha membentuk dan menawarkan produk pelancongan yang berbagai-bagai dimensi bagi memenuhi cita rasa permintaan pelancong yang pelbagai. Kajian lepas menunjukkan bahawa antara produk pelancongan yang berupaya menarik minat ramai pengunjung ke sesuatu destinasi ialah produk yang dikaitkan dengan unsur-unsur mitos dan legenda. Kajian oleh Amoamo (2012) mendapati unsur mitos dan legenda kepulauan Pitcairn di Lautan Pasifik telah berjaya menarik kedatangan pelancong ke kawasan tersebut. Begitu juga dengan penemuan Wesson (2012) berkenaan individu bernama Hernando de Soto, Governor Spanish di Cuba. Di Malaysia, kajian oleh Ooi Giok Ling (2006) tentang tragedi pembunuhan seorang wanita jujur bernama Mahsuri di Pulau Langkawi menunjukkan bahawa unsur-unsur mitos dan legenda dalam kisah tersebut berupaya menjadi sumber tarikan pelancong mengunjungi tempat-tempat yang dikaitkan dengan Mahsuri. Keunikan unsur legenda tersebut mempunyai daya tarikan tersendiri dan berupaya menggamit pengunjung ke tempat di mana legenda berkenaan berlaku. Hal ini menjadi semakin popular apabila unsur legenda ini kemudiannya dipromosi bersama dengan objek pelancongan yang lain melalui media massa dan elektronik oleh pelbagai agensi berkaitan sehingga menjadikan tempat berkenaan berkembang menjadi sebuah objek pelancongan dan lambang atau ikon kepada wilayah di persada antarabangsa. Kepentingan unsur legenda dan mitos dalam pelancongan semakin ketara kebelakangan ini, khususnya apabila berlakunya perubahan permintaan pelancong yang lebih menginginkan pengalaman berbanding perkhidmatan seperti sebelumnya (Wang, 2006). Justeru itu, apabila pengalaman lebih bernilai daripada perkhidmatan maka segala aktiviti pelaongan masa kini semakin ditumpukan kepada usaha meningkatkan pengalaman pelancong seperti merasai sendiri, melihat, mendengar kisah, meneroka tempat dan meningkatkan ilmu tentang sesuatu tempat atau komuniti.

Tujuan artikel ini adalah untuk membincangkan kesesuaian menggunakan unsur-unsur mitos dan legenda sebagai produk pelancongan di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, beberapa mitos dan legenda di Lembah Lenggong, Perak yang berpotensi untuk menjadi daya tarikan dijadikan kes kajian ini.

## Metod kajian

Di Malaysia, unsur mitos dan legenda sering ditemui dalam cerita-cerita rakyat dalam bentuk tradisi lisan dan juga pensejarahan tradisional sesuatu kawasan. Unsur mitos dan legenda kajian ini dikesan melalui pelbagai kaedah perolehan maklumat sekunder dan primer. Data sekunder dikumpulkan melalui kajian isi kandungan buku khususnya ‘Hulu Perak dalam Sejarah’ (1963) dan ‘Tempat-tempat Bersejarah Perak’ (1981); rujukan ke atas rekod dan dokumen rasmi mahupun yang tidak rasmi yang terdapat di Muzium Perak di Taiping, Muzium Darul Ridzwan di Ipoh dan Arkib Negara Malaysia dan Arkib Malaysia Cawangan Perak turut dilakukan. Kaedah temu bual berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang mitos, legenda dan cerita rakyat setempat. Antara bahan yang dapat dikumpulkan termasuklah cerita tentang asal usul nama Lenggong, Sumpahan Sang Kelembai, Sumpahan Bunian dan Legenda Bukit Bunuh serta Batu Ring. Sebanyak lapan pemberi maklumat telah ditemu bual. Mereka terdiri daripada para (lima orang) pemimpin setempat dan beberapa (tiga orang) ahli masyarakat senior tempatan yang telah bermastautin di sekitar Lembah Lenggong. Pemerhatian dan kajian di lapangan dilakukan bagi tempoh enam bulan mulai Disember 2011 hingga Mei 2012. Turut dikumpulkan adalah bahan-bahan tentang mitos dan legenda yang terdapat dalam kalangan Orang Asli khususnya masyarakat Lanoh,

salah satu sub-kumpulan Negrito yang tinggal di Lembah Lenggong. Pemberi maklumat tersebut adalah dari kalangan pemimpin dan ahli senior komuniti Lanoh. Komuniti Orang Asli ini kaya dengan gaya hidup dan budaya warisan bahan yang autentik dan kekal tanpa pengaruh pembangunan terutama dalam aspek kepercayaan. Lembah Lenggong dijadikan sebagai kawasan kajian kerana ia telah menerima pengiktirafan sebagai tapak warisan arkeologi dunia oleh UNESCO pada 30 Jun 2012 lalu. Lembah Lenggong yang terletak dalam daerah Hulu Perak (jarak 48 km dari Kuala Kangsar dan 100 km dari Ipoh) memiliki beberapa mitos dan legenda yang terkenal dalam kalangan komuniti setempat (Rajah 1.) Selain itu, di Lembah Lenggong juga terdapat banyak tempat menarik, tapak arkeologi dan objek pelancongan yang sesuai dilawati. Perolehan kajian ini membolehkan Lembah Lenggong dapat dimajukan sebagai pusat pelancongan budaya dengan menambah nilai dan paling tidak supaya dapat dijadikan objek tarikan sampingan.



Sumber: <https://www.google.com/maps/@3.3186981,101.7576054,894017m/data=13m1!1e3?hl=en-GB>



Sumber: <http://koding-kn.blogspot.com/2012/11/terokai-sejarah-manusia-purba-di-lembah.html>

Rajah 1. Kawasan kajian

### Mitos dan legenda sebagai produk pelancongan budaya

Pemerkasaan unsur mitos dan lagenda sebagai suatu produk pelancongan budaya adalah suatu perkara yang agak baharu. Pelancongan budaya adalah satu bidang pelancongan di sesuatu kawasan yang meliputi semua aspek dan cara hidup sesuatu masyarakat termasuk warisan, tradisional, legasi lama yang sedia wujud sejak zaman lampau hingga ke corak kehidupan masa kini yang mengekalkan warisan budaya. Produk pelancongan budaya yang boleh ditawarkan di Malaysia sangat banyak, iaitu tidak kurang daripada 1,500 item dalam bentuk warisan ketara (*tangible*) dan warisan tidak ketara (*intangible*) dan ianya masih belum tuntas. Hal ini terjadi kerana Malaysia adalah negara berbilang etnik yang kaya dengan pelbagai warisan budaya dan khazanah sejarah yang wujud sejak sekian lama. Malaysia perlu berusaha lebih giat lagi untuk menonjolkan warisan ini demi menambah pengalaman dan pengetahuan pelancong tempatan dan juga antarabangsa (Anwar Ali, 2008).

Jadual 1 menyenaraikan ringkasan sebahagian daripada warisan ketara dan warisan tidak ketara yang boleh dikaitkan dengan produk pelancongan budaya. Warisan ini telah diisytihar sebagai Warisan

Kebangsaan Malaysia pada tahun 2007, 2009 dan 2012 yang lalu. Mitos dan legenda adalah salah satu unsur yang terkandung dalam warisan bahasa dan persuratan.

**Jadual 1. Warisan Kebangsaan Malaysia**

Jenis Warisan	Jumlah
<b>WARISAN KETARA</b>	
Warisan Arkeologi	7
Warisan Semula jadi	7
Warisan Senibina	45
Warisan Seni Halus	24
Warisan Objek Ketara	38
<b>Jumlah</b>	<b>121</b>
<b>WARISAN TIDAK KETARA</b>	
Permainan Tradisi dan Pertahanan Diri	11
Warisan Bahasa dan Persuratan	5
Warisan Busana, Tekstil, Seni Hias Diri dan Kraf	17
Warisan Seni Persembahan	29
Warisan Makanan	151
Warisan Perubatan Traditional	6
Warisan Adat dan Budaya	9
Warisan Objek Tidak Ketara	13
<b>Jumlah</b>	<b>241</b>

Sumber: Buku Perisytiharan Warisan Kebangsaan (2012)

Mitos merupakan cerita zaman dahulu yg dianggap benar, terutamanya yang mengandungi unsur-unsur konsep atau kepercayaan tentang sejarah awal kewujudan sesuatu suku bangsa, kejadian-kejadian alam, dan sebagainya (Kamus Dewan, 2005). Oleh itu mitos dapat dikaitkan dengan satu cerita dalam sebuah kebudayaan setempat yang dianggap benar mengenai sesuatu peristiwa yang pernah terjadi pada dahulu kala misalnya cerita asal usul alam semesta manusia atau bangsa sama ada yang yang diungkapkan secara lisan atau ghaib. Sementara legenda yang berasal daripada istilah bahasa Inggeris *legend*, sebenarnya berasal daripada kata bahasa Latin, legenda yang membawa maksud sesebuah cerita yang bakal diceritakan (*a story to be read*). Legenda merupakan cerita (yang tidak dapat dipastikan kebenarannya, tetapi dipercayai benar oleh pencerita dan pendengarnya) yang bersangkutan dengan kisah-kisah bersejarah masa lalu dan ada ketikanya lebih mirip kepada cerita dongeng atau fiksyen yang mengisahkan cerita tentang seseorang atau sesuatu peristiwa. Namun ianya tidak terlalu dianggap dongeng, kerana dongeng merupakan cerita khayalan atau fiksyen (yang diada-adakan kejadiannya cerita yang karut, yang mengkhayalkan yang mengandungi ibarat (pedoman dan sempadan) dan kiasan (Kamus Dewan, 2005). Justeru itu, Amoamo (2011) menjelaskan mitos adalah "naratif rekaan semata-mata", iaitu biasanya melibatkan orang yang ghaib, tindakan, atau peristiwa, dan mengandungi beberapa idea popular mengenai sesuatu fenomena semula jadi atau sejarah yang benar-benar berlaku.

Bagi mengelakkan mitos dan legenda dianggap sebagai suatu khayalan atau palsu, kedua-dua perkara tersebut mesti dijelaskan menggunakan beberapa contoh sebenar yang dapat dilihat dan jelas tidak bercanggah dengan pemikiran dan jangkaan umum. Daripada perspektif pelancongan, pemerihalan mitos dan legenda berdasarkan peristiwa atau fenomena menggunakan berbagai-bagai media dan dalam pelbagai dimensi adalah penting. Sehubungan dengan ini, maklumat tentang sejarah atau persuratan setempat, sama ada yang digambarkan melalui fotografi, bahan dokumentari, petikan akhbar, buku ataupun berupa naratif secara lisan adalah penting untuk diperkasakan. Maklumat sedemikian, walaupun lebih kepada mitos atau legenda dapat dimunculkan sebagai suatu elemen yang bertenaga sehingga berupaya menarik perhatian pengunjung. Elemen mitos dan legenda mempunyai motif yang tersendiri, sekali gus menjadi tarikan yang unik dan berpotensi untuk menjadi objek tumpuan pengunjung. Seperti mana yang diketahui umum, pengunjung lazimnya akan lebih tertarik untuk berkunjung dan meneroka tempat-tempat yang

mempunyai unsur-usur mitos dan legenda, terutamanya yang sering diwar-warkan oleh agensi pelancongan sebagai objek terkenal dan tarikan yang mesti dikunjungi. Hal ini adalah kerana motif pelancong boleh dirangsang oleh sama ada oleh peristiwa sebenar atau fiksyen untuk diteroka, dihayati atau dikaitkan dengan sesuatu fenomena sama ada melalui pembacaan dan penceritaan tanpa mengira sama ada ianya benar atau sebaliknya. Jadi mitos dan legenda adalah unsur yang amat berpotensi untuk diperkasakan menjadi objek tarikan pelancong di sesebuah kawasan.

## Mitos dan legenda di Malaysia

Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan budaya yang dikaitkan dengan pencejarahan setempat dan cerita rakyat yang berunsur mitos dan legenda. Perkembangan unsur mitos dan legenda dalam budaya dan pencejarahan setempat di negara ini dapat dikaitkan dengan beberapa faktor. Antara faktor tersebut termasuklah kewujudan institusi raja dan sistem feudal yang memerintah sesebuah negeri. Menurut Siti Hawa (2009), hampir setiap negeri di kepulauan Melayu, termasuk negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, mempunyai institusi raja dan sistem pentadbiran beraja yang berlatarkan sejarah asal-usul pentadbiran dan penubuhan negeri yang berunsur mitos dan legenda. Pada masa lalu, sistem pentadbiran feudal sesebuah negeri di rantau ini meletakkan raja sebagai pemimpin agung, selain ‘Tuhan’ seperti yang terkandung dalam ajaran sesuatu agama khususnya ‘Allah’ bagi para pengikut agama Islam. Raja adalah pemimpin agung yang titahnya mesti dipatuhi dan tingkah-lakunya sentiasa diperhatikan. Oleh itu segala gerak-gerik dan peristiwa, khususnya yang kelihatan ganjil dan aneh yang berlaku dalam persekitaran keluarga diraja, akan sentiasa menjadi bahan cerita rakyat. Kisah sedemikian akan diperturunkan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi, dengan pelbagai tokok tambah sehingga kisah yang asalnya mungkin benar, berubah menjadi mitos dan legenda. Malaysia yang memiliki sembilan negeri yang masih mengekalkan sistem beraja adalah salah sebuah daripada 44 sistem monarki di dunia yang masih kekal hingga ke hari kini (Fatimah, 2010). Ada pelbagai cerita yang mengandungi unsur mitos yang dikaitkan dengan penubuhan negeri dan raja yang memerintah. Antara contoh mitos dan legenda yang dikaitkan dengan raja-raja di Malaysia termasuk kisah Raja Bersiong, Merong Mahawangsa, Parameswara dan Kerajaan Melaka serta Hang Tuah dengan empat saudaranya.

Selain yang dikaitkan dengan institusi beraja, unsur mitos dan lagenda di Malaysia juga terkandung dalam pelbagai cerita rakyat, kisah unik, sejarah komuniti atau individu setempat dan cerita asal usul kejadian yang tersebar dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya di seluruh pelosuk negara ini. Pelbagai pengalaman mistik individu dan masyarakat semasa menjalankan aktiviti harian boleh berkembang menjadi bahan cerita yang berunsur mitos dan legenda. Pelbagai unsur legenda seperti makhluk halus, pari-pari, bunian dan sebagainya wujud dalam budaya kehidupan masyarakat Malaysia. Begitu juga dengan kepercayaan dan amalan adat yang dikaitkan dengan pelbagai kesan mistik seperti sumpahan, kutukan sihir dan sebagainya turut menjadi sebab-musabab atau penjelasan tentang asal-usul kejadian sesuatu fenomena alam. Unsur-unsur mitos dan legenda tersebut diwarisi secara lisan hingga kini. Antara yang terkenal ialah kisah sumpahan Sang Kelembai dan sumpahan Orang Minyak. Kisah yang mengandungi unsur-unsur mitos di Malaysia turut diperkayakan lagi dengan cerita asal-usul kejadian alam semula jadi seperti pulau, tasik, bukit, sungai dan gunung yang dihubungkaitkan dengan mitos dan legenda setempat. Banyak contoh yang boleh diketengahkan, antaranya yang terkenal ialah kisah Puteri Gunung Ledang di Johor; Naga Tasik Chini di Pahang; dan tasik di Pulau Dayang Bunting, di Langkawi, Kedah. Kesemua kisah ini sangat menarik dan tempat yang dikaitkan dengan kisah tersebut masih wujud dan boleh dikunjungi. Pelawat boleh merasakan dan mengalami sendiri keindahan dan keanehan tempat berkenaan.

Selain itu, peristiwa aneh akibat kehebatan atau kemaslahatan individu yang dikatakan pernah hidup pada masa lampau turut menyumbang kepada kekayaan bahan mitos dan legenda negara ini. Misalnya kisah Malim Kundang yang bukan sahaja terkenal di Malaysia dengan panggilan Si Tanggang tetapi juga di Sumatera, Indonesia. Malim Kundang ialah seorang pelayar yang berjaya kemudiaannya disumpah oleh ibunya kerana durhaka hingga bertukar menjadi batu. Hal mengenai kehebatan orang

Melayu sebagai pelayar, pahlawan laut dan saudagar air yang mahir dalam aktiviti pelayaran dan pembuatan kapal layar dalam zaman Melayu silam turut dirakamkan dalam cerita mitos dan lagenda (Ahmad Jailani, 2012).

Berdasarkan cerita rakyat dan sejarah lisan, ternyata Malaysia memiliki pelbagai kisah mitos dan legenda yang tidak ternilai harganya. Dalam sastera dan budaya Melayu, ada di antara kisah tersebut yang sengaja dihidupkan untuk menjadi teladan sama ada negatif atau positif. Yang pasti unsur mitos dan legenda ini menjadi bahan cerita yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi lain. Setengahnya dibukukan untuk dijadikan bahan pembelajaran dan pendidikan di sekolah, yang lainnya menjadi ilham kepada penerbit untuk dilakukan dan difilemkan. Kini, usaha telah dilakukan untuk memajukan unsur mitos dan legenda di Malaysia sebagai objek tarikan pelancong. Hal ini telah terbukti apabila Jabatan Pelancongan Negara menyenaraikan beberapa koleksi mitos dan legenda popular dalam negara yang sesuai untuk dijadikan salah satu elemen tarikan pelancong.

### Sumber pelancongan di Lembah Lenggong

Lembah Lenggong telah mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Arkeologi Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) pada 30 Jun 2012 lalu. Penganugerahan status tapak warisan dunia ini adalah bertepatan kerana Lembah Lenggong sudah terkenal sebagai pusat perkembangan tamadun manusia yang paling tua di rantau ini, iaitu meliputi zaman Paleolitik hingga ke zaman Neolitik, juga zaman Logam. Penemuan bukti peralatan seperti kapak genggam (*handaxe*), alat peneta (*chopper*) dan alat repehan (*flake tools*) di Bukit Bunuh yang didiami sejak lebih 1.83 juta tahun membuktikan kewujudan masyarakat manusia terawal di Asia. Hal ini dikukuhkan lagi dengan “Perak Man” di Gua Gunung Runtuh, rangka manusia Paleolitik terlengkap yang ditemui di Asia Tenggara yang mewakili kehidupan 10,000 tahun dahulu. Lembah Lenggong juga berupaya menjadi tarikan arkeologi terkenal kerana memiliki kawasan sumber arkeologi dan arkeogeologi yang masih bersifat *autentik* dan *in-situ*, iaitu kekal di tempat asal, di atas tapak terbuka dan tidak terusik oleh arus permodenan semasa (Jabatan Warisan Negara, 2011). Oleh itu, sumber arkeologi tersebut sangat penting bagi kemajuan pelancongan di Lembah Lenggong.

### *Mitos dan legenda di Lembah Lenggong*

Sumber arkeologi dan arkeogeologinya bukan satu-satunya objek yang berpotensi untuk dimajukan sebagai tarikan pelancong di Lembah Lenggong. Fatimah et al. (2013) melaporkan bahawa Lembah Lenggong juga memiliki pelbagai produk yang boleh dimajukan untuk menambah nilai tempat sebagai destinasi pelancongan menarik di Malaysia. Produk tersebut merangkumi semua entiti di atas muka bumi seperti elemen alam semula jadi (Banjaran Bintang dan Banjaran Titiwangsa, Sungai Perak, Lata Kekabu, Gua-gua), elemen ciptaan atau buatan manusia (Tasik Raban dan Pusat Ternakan Rusa), tokoh bersejarah atau individu terkenal (Tok Raban), budaya (masyarakat Pattani dan Orang Asli), warisan seni serta sejarah (Masjid Yahya Ubudiah, Masjid Jamek Lenggong), aktiviti ekonomi (ikan bakar, aktiviti membuat ikan pekasam Perak yang terkenal, pusat ternakan udang) selain seni budaya setempat.

Lembah Lenggong juga sebenarnya mempunyai banyak tempat yang boleh dikaitkan dengan pelbagai unsur mitos dan legenda yang sesuai dimajukan untuk dijadikan produk pelancongan. Sebahagiannya telah diterokai manakala yang lain masih terpendam. Jadual 2 menyenaraikan beberapa unsur mitos dan legenda yang dikesan wujud di Lembah Lenggong. Antara yang popular termasuklah 17 buah gua yang terkenal dalam kalangan penduduk setempat yang setiap satunya mempunyai kisah mitosnya sendiri. Mitos Gua Puteri, Gua Kelawar dan Gua Harimau adalah yang paling popular selain Batu Puteri (@Batu Gajah dan asal-usul nama Lenggong (Foto 1, Foto 2, Foto 3 dan Foto 4).

**Jadual 2. Sebahagian daripada unsur mitos dan legenda di Lembah Lenggong**

Unsur	Lokasi Tempat	Penerangan
Legenda Sumpahan Sang Kelembai	Gua Puteri	Akibat sumpahan wujud pelbagai bentuk batu seakan puteri bersanding, kelambu, gajah, harimau penjaga, katak besar, kolam dan peta Malaysia (Foto 1, 2, 3)
	Gua Badak	Batu kelihatan tidak ubah seperti bilik tidur lengkap dengan katil dan kelambu
Nama Asal Lenggong	Replika Pokok di kawasan rehat	Keadaan batang pokok yang terlanggong setelah dipotong dan menimpa pokok lain.
	Tasik Raban	Kononnya keadaan tempat asal ini seolah-olah terdinding atau terlengkong oleh bukit-bukit dan banjaran gunung. Nama seorang Semang yang bernama “Lenggong”, peneroka hutan rimba yang mendiami i daerah Lenggong
Tapak asal Lenggong	Perkampungan Cina	Permulaan kewujudan petempatan awal yang terletak berhampiran Bukit Tampan
Legenda Batu Ring	Kampung Batu Ring	Kewujudan ketulan batu yang kononnya dibawa dari Gunung Ring, Kelantan oleh Sang Kelembai yang berminat dengan kawasan tersebut yang strategik, cantik dan menarik.
Legenda Bukit Bunuh	Bukit Bunuh	Nama asal Bukit Bunuh yang muncul akibat perancangan pembunuhan oleh suami ke atas isteri untuk menjadi kaya. Namun penemuan tempayan dengan emas telah menyelamatkan keadaan dan kini kononnya tempayan itu disimpan dalam kawasan misteri kawasan berkenaan.
Sumpahan Bunian	Batu Puteri@ Batu Gajah di Kampung Batu Belimbing	Batu yang bentuknya seakan-akan tiga ekor gajah. Kononnya gajah itu adalah milik Tuan Hubert Berkeley seorang Hakim Daerah Hulu Perak pada 1907 (Foto 4).

Sumber: Kajian luar penyelidik (2013); Temu bual dengan para pemimpin setempat (2013)



Foto 1. Arca Puteri Bersanding



Foto 2. Peta Semenanjung Malaysia



**Foto 3. Kepala Katak**



**Foto 4. Batu Puteri @ Batu Gajah**

Sumber: Koleksi penyelidik (2013)

Di sebalik kelebihan sumber, dari segi pelancongan Lembah Lenggong masih lagi boleh dikatakan sebagai kurang menarik. Sekiranya sumber tersebut dapat dimajukan, Lembah Lenggong berupaya muncul sebagai salah satu pusat pelancongan budaya di negeri Perak. Unsur mitos dan legenda adalah antara sumber yang sesuai dimajukan. Bagi tujuan tersebut, unsur mitos dan legenda masyarakat Orang Asli Lanoh juga wajar diberi perhatian.

#### *Mitos dan legenda dalam kalangan masyarakat Orang Asli Lanoh*

Masyarakat Lanoh adalah masyarakat Orang Asli dalam kumpulan Negrito yang dipercayai penduduk awal di Lembah Lenggong. Berdasarkan bukti sejarah dan arkeologi, mereka adalah masyarakat pemburu dan pemungut yang tinggal dalam kumpulan kecil di beberapa kawasan seperti kampung Gelok, Ulu Jepai, Kenering dan Sumpitan (Hamid, 2010). Berdasarkan bukti arkeologi, sejarah dan etnografi, mereka pernah menjadikan gua-gua disekitar Lenggong sebagai tempat kediaman. Pada masa ini terdapat kira-kira 402 orang Lanoh yang menetap di Kampung Lubuk Chupak dan Kampung Air Bah di Mukim Kenering, kedua-duanya di daerah Hulu Perak. Bagi masyarakat Lanoh, mitos merupakan sebahagian daripada kahidupan. Pada umumnya, terdapat empat mitos yang menarik daripada komuniti ini, iaitu: kisah roh nenek moyang, keajaiban pokok kepayang, makhluk halus Chinoi dan perperangan antara Raja Mawas dan Raja Siamang.

**Mitos 1: Kisah Roh Nenek Moyang** - Masyarakat Lanoh mempercayai bahawa dunia adalah berbentuk rata dan tergantung di atas tali seperti sebuah jaring menangkap ikan. Manakala matahari pula adalah berupa sebiji bola, namun ia tidaklah panas dan juga tidak mempunyai sebarang penghuni. Ia muncul dari lubang dalam tanah yang begerak sepanjang tali dan tenggelam dalam terowong di bawah bumi. Bulan pula turut mengikuti kitaran yang sama tetapi melalui tali yang lain. Sewaktu matahari terbit, ia menghidupkan To' Samin, yakni nenek moyang masyarakat Lanoh, dan apabila matahari terbenam pula, maka ia akan menghidupkan isterinya Che Timah. Kesemua roh orang Lanoh akan berjumpa To' Samin untuk memohon makanan dan supaya memberi bantuan kepada masyarakat Lanoh yang hidup, dalam tempoh tujuh hari. Roh akan kembali ke bumi apabila kenduri terakhir dilangsungkan. Jika lelaki dia akan tinggal bersama To'Samin, manakala jika perempuan ia akan tinggal bersama Che Timah. Roh suami isteri akan tepisah. Roh ini tidak makan tetapi hanya bermain dengan bunga-bungaan.

**Mitos 2: Keajaiban Pokok Kepayang** - Masyarakat Lanoh mengatakan bahawa terdapat pokok kepayang yang tumbuh dan hidup berdekatan dengan tempat di mana matahari terbit. Berdekatan

dengan kawasan pokok tersebut itu pula, terdapat suatu jambatan (*galong*) yang terbentang menjangkui sehingga ke arah api yang dikenali sebagai *Jamput*. Atas sebab tertentu, pokok tersebut telah bergerak ke kawasan lain yang jauh dari api. Kemudian, pokok tersebut telah bertukar menjadi *Chinoi* (makhluk halus) pada malam hari. Dari akar pokok ini jugalah, *Yara-meng* seorang wanita yang tinggal di langit keluar dan muncul berupa seekor ular. Ia berwarna putih dan sudah tua sehingga hanya mempunyai tulang dan kulit sahaja. Ia mempunyai cucu perempuan yang dikenali sebagai *Jamoi* yang berperanan menjaganya. Pada suatu ketika yakni sewaktu *Yara Meng* sudah menjadi terlalu tua, *Jamoi* telah melontarkan daun halia hutan (*beurn*) ke arah *Yara Meng* dari jauh. Percikan daun yang terkena pada tubuh *Yara Meng* akan menjadikan ia lemah dan tumbang serta seterusnya berasa sejuk pada badannya. Setelah itu, tidak lama kemudian, *Yara Meng* secara serta-merta bertukar menjadi muda kembali.

**Mitos 3: Makhluk Halus Chinoi** - Masyarakat Lanoh di Lenggong mempercayai adanya makhluk halus yang dikenali sebagai *Chinoi* seumpama kanak-kanak kecil yang mempunyai ketinggian sekitar 60 cm. Terdapat pelbagai jenis *Chinoi* yang ada dalam tumbuhan atau haiwan. Contohnya *Chinoi* yang ada pada burung Enggang dan burung Hering. Jenis pisang yang dikenali sebagai *Pisang toman* turut dipercayai mempunyai *Chinoi* selain ubi kayu. Proses kejadian *Chinoi* bermula daripada sejenis tumbuhan kecil (sejenis halia hutan) yang dikenali sebagai *beurn*. Rongga pada batang tumbuhan tersebut yang dipenuhi air akan menghidupkan sejenis batu. Apabila batang tumbuhan tersebut membesar dan kemudiannya meretak pecah, maka batu yang terkeluar itulah yang kemudiannya menjadi *Chinoi*. *Chinoi* ini juga digunakan oleh *halak* dengan membenarkan *Chinoi* tersebut memasuki jasad badannya.

**Mitos 4: Peperangan antara Raja Mawas dan Raja Siamang** - Terdapat mitos yang menceritakan tentang hubungan antara masyarakat Lanoh dengan masyarakat Melayu. Mitos ini menceritakan bahawa pada suatu masa dahulu telah berlaku peperangan antara “Raja Mawas” yang merupakan raja kepada golongan monyet mawas yang berperang dengan “Raja Siamang” yang merupakan ketua golongan monyet siamang. Peperangan tersebut telah berlaku di negara kawasan nenek-moyang Orang Lanoh. Disebabkan peperangan tersebut, nenek-moyang mereka telah melarikan diri dan menyembunyikan diri di balik lalang. Pada peperangan tersebut, disebabkan “Raja Mawas” telah memukul “Raja Siamang”, maka “Raja Mawas” bersama para pengikutnya telah melarikan diri dan menyembunyikan diri dengan mengikut cara yang sama seperti mana yang dilakukan oleh nenek-moyang Orang Lanoh. Kesan daripada itu, “Raja Mawas” telah membakar kawasan lalang untuk memburu dan membinasakan “Raja Siamang” bersama para pengikutnya. “Raja Siamang” dan para pengikutnya kemudian itu melarikan diri dengan cara menyeberang Sungai Perak tetapi, nenek-moyang Orang Lanoh tidak melarikan diri, bahkan sebaliknya terus menyembunyikan diri mereka di dalam sarang lubang landak. Meskipun telah bersembunyi di dalam lubang landak, tetapi mereka tetap tidak terlepas daripada terkena ancaman api kesan perbuatan ‘Raja Mawas’. Disebabkan api tersebut menyambar dan membakar rambut mereka, maka kerana itulah sehingga kini keturunan mereka mempunyai rambut yang berjenis kerinting. Tidak lama kemudian, peperangan berakhir. “Raja Beruk” yakni ketua bagi golongan monyet beruk telah ditugaskan menjadi hakim bagi menyelesaikan pertelingkahan antara “Raja Mawas” dan “Raja Siamang”. Pengadilan tersebut memutuskan agar “Raja Siamang” bersama pengikutnya menghuni kawasan pinggir selatan Sungai Perak manakala “Raja Mawas” pula menghuni kawasan utara. Menurut lagenda ini juga, sewaktu peperangan tersebut mula berlaku, masyarakat Orang Melayu telah melarikan diri ke kawasan hilir sungai dengan membawa bersamanya senduk nasi. Maka kerana itulah, sehingga ke hari ini, masyarakat Melayu akan menggunakan senduk sewaktu memasak. Manakala nenek-moyang Orang Lanoh pula melarikan diri ke bahagian hulu sungai dengan hanya membawa batang kayu sehingga menurut mereka, sehingga ke hari ini masyarakat Orang Lanoh tetap kekal menggunakan batang kayu sewaktu mencari dan menggali ubi di hutan (Evans, 1937).

Daripada keempat-empat mitos Orang Lanoh, mitos ketiga dan keempat, iaitu makhluk halus Chinoi dan mitos perperangan antara Raja Mawas dan Raja Siamang didapati mempunyai kekuatan untuk diketengahkan, dipakej untuk dijadikan sebahagian daripada produk pelancongan. Mitos ini boleh diterjemahkan ke dalam bentuk seni drama, filem dokumentari atau filem animasi pendek yang sesuai ditontonkan kepada pelawat. Orang Lanoh juga mempunyai kemahiran mengukir patung kayu. Watak-watak utama dalam mitos tersebut boleh dijelmakan ke dalam bentuk patung yang sesuai untuk mainan kanak-kanak, mahupun bahan cendera hati dan hiasan.

## Perbincangan

Ternyata mitos dan legenda yang terdapat di Lembah Lenggong amat menarik. Unsur ini sentiasa menjadi buah mulut dalam kalangan penduduk tempatan dan sudah tentu berpotensi dan berupaya untuk dipakejkan menjadi bahan yang boleh menambah nilai aktiviti pelancongan Lembah Lenggong. Penggunaan unsur ini akan menjadikan konsep-konsep pelancongan baru yang bakal diperkenalkan untuk mempromosi Lembah Lenggong itu lebih berdaya saing lagi. Contohnya melalui konsep '*Fright tourism*' yang berunsurkan tarikan menakutkan dan juga konsep '*Dark Tourism*' atau '*Thanatourism*', iaitu yang menjadikan lokasi yang mengandungi kisah berkaitan kematian atau bencana sebagai tarikan pelancong, Lembah Lenggong akan menjadi lebih menarik lagi.

Beberapa perkara didapati boleh menguatkan lagi potensi unsur-unsur mitos dan legenda ini untuk dijadikan sebagai objek tarikan pelancong di Lembah Lenggong. Perkara tersebut termasuklah adanya pengetahuan dan kesedaran yang tinggi dari segi pemilikan kisah mitos dan legenda oleh penduduk setempat. Hal ini disokong oleh Fatimah dan Farhana (2013) melalui kajiannya di Lembah Lenggong bahawa objek seperti Gua Puteri adalah antara gua yang paling kerap disebut oleh penduduk setempat. Kajian mereka juga mendapati bahawa sejumlah 51.2% daripada 500 jumlah responden yang dikaji selidik mengetahui akan kewujudan lebih 17 gua di sekitar Lenggong. Namun hanya tiga nama gua yang kerap disebut, iaitu Gua Puteri, Gua Kelawar, dan Gua Harimau. Malangnya Gua Gunung Runtuh yang menjadi lokasi penemuan Perak Man, hanya disebut oleh 34 orang responden sahaja. Gua Puteri dikenali ramai kerana mengandungi unsur-unsur mitos yang terkenal di Lembah Lenggong.

Selain pengetahuan dan kesedaran penduduk setempat, populariti unsur mitos dan legenda serta boleh dibuktikan kewujudannya turut merasionalkan penonjolannya. Beberapa bahan yang menjadi asas kepada unsur mitos dan legenda di Lembah Lenggong didapati masih kekal utuh di lokasi asal. Ianya masih boleh dijejaki dan nampak ketara, justeru boleh dibuktikan dengan mata kasar dan disebarluaskan menggunakan media elektronik. Misalnya unsur mitos di Gua Puteri dan Pokok Kepayang di Kampung Air Bah serta penggunaan batang kayu dalam aktiviti harian masyarakat Lanoh hari ini adalah bukti kewujudan dan "kebenaran" unsur mitos tersebut. Malah ramai dalam kalangan penduduk setempat yang boleh menceritakan kisah mitos serta legenda tersebut. Ini membuktikan bahawa kisah tersebut telah diwariskan dari satu generasi ke satu generasi secara lisan.

Menjadikan mitos dan legenda sebagai tarikan pelancong, sekurang-kurangnya sebagai tarikan sampingan Lembah Lenggong, memerlukan tindakan segera pihak yang berkaitan sama ada oleh masyarakat setempat atau pihak pengurusan Majlis Daerah Lenggong. Hal ini adalah kerana terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi terlebih dahulu. Antara masalah yang amat ketara ialah kekurangan kemudahan prasarana atau infrastruktur pelancongan. Pemerhatian mendapati adalah agar sukar bagi pelancong untuk meninjau kawasan di sekitar objek yang dikaitkan dengan mitos dan legenda misalnya di Gua Puteri kerana letakan gua yang tinggi dan licin untuk didaki. Begitu juga dengan kemudahan tempat letak kereta dan kemudahan atas pelancongan yang lain. Pemerhatian juga mendapati bahawa tandas awam, tidak disediakan di persekitaran kawasan yang menjadi tumpuan pengunjung. Begitu juga dengan jalan masuk ke perkampungan masyarakat Lanoh yang tidak terurus dan masih belum bertar. Pemerhatian mendapati bahawa keadaan sekitar kawasan yang dikaitkan dengan unsur-unsur mitos, misalnya Gua Puteri tidak diselenggara dengan sempurna. Laluan kayu yang dibina tidak diselenggara malah banyak yang sudah reput serta dipenuhi daun-daun kering yang boleh membahayakan pengunjung.

Hal ini ada kaitannya dengan masalah kesedaran dan tanggung jawab penjagaan yang rendah dalam kalangan penduduk setempat. Maklumat terkini yang diperolehi penyelidik menyatakan bahawa terdapat beberapa bahan mitos di Lembah Lenggong seperti kepala puteri bersanding dalam Gua Puteri telah hilang akibat perbuatan vandalisme penduduk setempat. Justeru itu, perlu ada program untuk meningkatkan kesedaran tentang hal ini dan kepentingan untuk mereka bertanggung jawab menjaga warisan budaya di kawasan masing-masing.

## Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa Lembah Lenggong sememangnya kaya dengan pelbagai atribut tempat yang patut diterokai, dikomodofikasi dan ditonjolkan kepada masyarakat umum. Antara tempat-tempat ini ada yang mempunyai unsur mitos dan legenda yang menarik. Atribut tempat yang berunsurkan bahan mitos dan legenda perlu diketengahkan kerana di tempat lain, sama ada di luar atau dalam negara, telah terbukti berjaya menarik pelancong. Misalnya di Langkawi dan Pitcairn Islands. Bagi menjayakan matlamat ini beberapa kekangan seperti masalah penyelenggaraan dan kemudahan prasarana perlu segera ditanggani oleh pihak pengurusan Lembah Lenggong. Begitu juga dengan keprihatinan dan sifat bertanggung jawab penduduk setempat perlu segera ditingkatkan oleh pihak yang berkaitan agar Lembah Lenggong kekal terpelihara dan membawa keuntungan dan kesejahteraan kepada komuniti setempat. Kelebihan Lembah Lenggong sebagai pusat tarikan pelancong, setelah diiktiraf sebagai tapak warisan arkeologi dunia oleh UNESCO, akan lebih menyerlah dengan penambahan nilai melalui pembangunan unsur-unsur mitos dan legenda di samping objek dan atribut lain dalam suatu pakej yang menarik. Justeru, aktiviti pelancongan yang dipelbagai dengan penonjolan unsur-unsur mitos dan legenda setempat yang tersendiri ini wajar dipromosikan dengan kadar segera. Selain mitos dan legenda sebagai unsur budaya yang tidak wajar dilupakan, kelebihan ini akan menjadikan Lembah Lenggong sebagai bahan bualan ramai pelancong, khususnya pelancong antarabangsa yang dahagakan produk pelancongan yang sepertinya. Sekiranya semua produk pelancongan tersebut dapat dipakejkan dengan cara yang sesuai, tidak hairan suatu hari nanti jika Lembah Lenggong menjadi destinasi pelancongan yang wajib dilawati oleh semua pelancong luar dan dalam negara.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia untuk Geran Penyelidikan Universiti kepada Kluster Pelancongan Lestari (Geran No. 1001/PTS/8660012) yang membolehkan kajian dan makalah ini dihasilkan.

## Rujukan

- Ahmad Jailani Halimi (2006) *Perdagangan dan perkapalan Melayu di Selat Melaka*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Amoamo M (2011) Remoteness and myth making: Tourism development on Pitcairn Island. *Tourism Planning & Development* 8 (1), 1-19.
- Amoamo M (2012) (de)Constructing place-myth: Pitcairn Island and the “Bounty” story. *Tourism Geographies: An International Journal of Tourism Space, Place and Environment*, iFirst, 1–18 DOI:10.1080/14616688.2012.699093.
- Anwar Ali (2008) Pelancongan budaya di Malaysia: Konsep dan senario. In: Yahaya Ibrahim, Sulong Mohamad, Habibah Ahmad (eds) *Pelancongan Malaysia: Isu pembangunan, budaya, komuniti dan persetempatan*. Penerbit UUM, Sintok.
- Evans IHN (1937) *The Negritos of Malaya*. The University Press, Cambridge.

- Fatimah Hassan (2010) Pelancongan Diraja: Pelancongan budaya yang berdasarkan Institusi Raja Rumpun Melayu di Kemboja dan Malaysia. In: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Wan Salleh Wan Ibrahim, Mohamed Zain Musa (eds) *Conference Proceedings on Malay Heritage in Cambodia, Lao PDR & Vietnam*, pp. 268-285. UITM University Publication Centre (UPENA), Shah Alam. ISBN 978-983-44217-2-4.
- Fatimah Hassan, Main Rindam, Norsuhana Abdul Hamid, Zuraini Zakaria, Fatan Hamamah Yahaya. (2013). Peningkatan daya saing Lembah Lenggong berasaskan pelancongan sumber setempat. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space* 9 (2), 35 – 49.
- Fatimah Hassan, Farhana Che Dah (2013) Knowledge on Lenggong place attractionss: Perspectives from local communities. In: Badaruddin Mohamed, Azizi Baharuddin (eds) *Proceedings of International Conference on Tourism Development: Building The Future of Tourism STRC*, pp. 461-470. G.Hotel Penang. ISBN 978-967-394.
- Hamid Mohd Isa (2010) Keturunan pemburu pemungut Lanoh Lenggong: Satu perspektif etnoarkeologi. *Jurnal Ikatan Arkeologi Malaysia* 23, 12-20.
- Jabatan Warisan Negara (2011) Archaeological heritage of the Lenggong Valley. Vol. 1. Nomination Dossier for Inscription on the UNESCO World Heritage List. Department of National Heritage, Ministry of International Communication & Culture Malaysia.
- Kamus Dewan (2005) *Kamus Dewan edisi keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ooi Giok Ling (2006) Mahsuri's curse - Globalisation and tourist development in Pulau Langkawi. *GeoJournal* 6 (6), 199–209. DOI 10.1007/s10708-006-9025-0123.
- Siti Hawa Haji Salleh (2009) Raja Bersiong, Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan: Antara mitos dan fakta. Dalam *Wacana Warisan Kedah Darul Aman* 11 – 12 Mac 2009.
- Tourism Malaysia (2014) [cited 10 October 2014]. Available from: [http://www.tourism.gov.my/corporate/research.asp?page=facts\\_figures](http://www.tourism.gov.my/corporate/research.asp?page=facts_figures).
- Wang N (2006) Itineraries and the tourist experience. In: Minca C, Oakes T (eds) *Travels in paradox: Remapping tourism*, pp 65-76. Rowman and Littlefield, Oxford.
- Wesson CB (2012) de Soto (Probably) never slept here: Archaeology, memory, myth and social identity. *International Journal History Archaeology* 16 (4), 18–435.